



## FACULTY OF LIBERAL ARTS

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**  
Trimester & Year : May – August 2021  
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:  
PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.  
PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 markah)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Hari ini ada kelas bahasa Melayu di kolej. Rachel telah menghubungi Cikgu Basri untuk memberitahu bahawa dia tidak dapat hadir ke kelas. Perutnya sakit. Sejak semalam dia kerap ke tandas. Badannya rasa lemah. Kepalanya rasa pening.

Emak Rachel membawa Rachel ke klinik. Doktor memberitahu bahawa Rachel cirit-birit. Rachel makan makanan tercemar. Rachel menghubungi Nurul. Semalam, dia dan Nurul makan di kedai XYZ. Nurul juga cirit-birit. Mereka berdua makan nasi lemak dan ayam goreng.

Doktor memberikan Rachel surat cuti sakit selama dua hari. Doktor juga beri Rachel ubat cirit-birit untuk dimakan. Doktor suruh Rachel berehat dan minum banyak air. Sekiranya Rachel semakin teruk, doktor meminta Rachel supaya terus ke hospital untuk rawatan selanjutnya.

1. Siapakah nama cikgu bahasa Melayu di kolej Rachel? **(2 markah)**
2. Kenapa Rachel tidak hadir ke kelas bahasa Melayu? **(2 markah)**
3. Siapakah yang pergi dengan Rachel pergi ke kedai XYZ? **(2 markah)**
4. Apakah **EMPAT (4)** pesanan yang diberitahu oleh doktor kepada Rachel? **(4 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Danny: Hai, Sofea! Boleh saya tahu siapa di sebelah kamu itu?

Sofea: Hai, Danny! Ini sepupu saya. Dia dari Turkey. Namanya Fatimah.

Danny: Oh, Fatimah! Apa khabar?

Sofea: Maaf, Danny. Dia tidak pandai cakap bahasa Melayu. Dia baru sahaja tiba di Malaysia minggu lepas.

Danny: Oh, begitu. Apa program dia?

Sofea: Dia baru mendaftar dalam program Bachelo Pentadbiran Perniagaan.

Danny: Sama dengan program saya tetapi saya lebih senior.

Sofea: Betul. Saya harap kamu boleh bantu dia nanti kerana dia agak pendiam dan pemalu.

Danny: Boleh. Sebenarnya saya suka melihat mata dia yang bulat dan besar. Matanya juga berwarna coklat.

Sofea: Dia memang cantik tetapi hati-hati kerana dia juga jurulatih Taekwondo.

Danny: Wah, hebatnya! Minatnya juga sama dengan saya.

Sofea: Baiklah. Saya ada kelas sekarang. Jumpa lagi, Danny!

Danny: Selamat jalan, Sofea dan Fatimah. Jumpa lagi!

1. Siapakah Fatimah? (2 markah)
2. Bilakah Fatimah tiba dia Malaysia? (2 markah)
3. Apakah **DUA (2)** ciri fizikal Fatimah? (2 markah)
4. Apakah program Danny? (2 markah)
5. Bagaimanakah perwatakan Fatimah? Nyatakan **DUA (2)**. (2 markah)

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 markah)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini:**

- |                 |            |
|-----------------|------------|
| I. bilik        | (2 markah) |
| II. lampu       | (2 markah) |
| III. meja tulis | (2 markah) |
| IV. almari      | (2 markah) |
| V. katil        | (2 markah) |

(10 markah)

**b) Terjemahkan petikan berikut ke dalam bahasa Inggeris.**

1. Kami membeli makanan di pasar raya.
2. Puteri Diana meninggal dunia pada tahun 1997.
3. Saya membasuh pakaian dengan mesin basuh.
4. Budak yang paling rajin akan mendapat hadiah.
5. Saya ialah pelajar yang sangat suka belajar bahasa.
6. Itukah kamus Bahasa Melayu yang paling baik?
7. Basikal jenis inilah yang paling murah.
8. Gambar ini sama cantik dengan gambar itu.
9. Bapa dia lebih muda daripada bapa saya.
10. Minggu ini lebih panas daripada minggu lepas.

(20 markah)

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 markah)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu perbualan antara anda dan kawan baik anda mengenai tempat-tempat menarik di Malaysia.

**ATAU:**

2. Tuliskan aktiviti yang anda lakukan pada waktu lapang.

**(20 markah)**

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**